

12 MAY 2002

Samy-Perlembagaan (Bergambar)

MIC PINDA PERLEMBAGAAN BENARKAN PEMILIHAN KETUA WANITA DAN PEMUDA

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- MIC sedang meminda perlembagaannya bagi membenarkan pemilihan dibuat untuk jawatan ketua dan timbalan ketua bagi sayap pemuda serta wanita, kata Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata ini selaras dengan sistem pemilihan baru parti itu dan mulai tahun depan penyandang jawatan-jawatan berkenaan akan dipilih oleh perwakilan dan bukan lagi dilantik oleh Presiden.

"Sistem baru ini diperkenalkan dengan tujuan memperkukuhkan lagi kedua-dua pergerakan ini agar kepimpinan mereka menjadi lebih agresif dan bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Samy Vellu berkata pindaan itu juga akan memberi kuasa kepada cawangan untuk memilih sekurang-kurangnya 10 anggota jawatankuasa mereka.

Beliau juga mencadangkan perlantikan seorang Setiausaha Pengelola di peringkat kebangsaan untuk memantau, menganjur dan menggiatkan lagi aktiviti pemuda dan wanita di peringkat bahagian dan cawangan.

"Langkah ini tidak menjejaskan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Wanita dan Pemuda yang ada sekarang tetapi Setiausaha Pengelola akan melawat bahagian dan cawangan serta memberi maklumat balas akan kedudukan sebenar bahagian dan cawangan kepada Majlis Tertinggi Wanita dan Pemuda MIC," katanya.

Mengenai kadar kemasukan rendah pelajar kaum India ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Samy Vellu berkata ini mungkin juga berpunca daripada kadar permohonan yang rendah.

Dilaporkan hanya 1,530 (4.7 peratus) pelajar kaum India diterima masuk ke IPTA tahun ini.

Pelajar yang ditolak permohonan mereka, boleh merayu dan MIC akan membuat rayuan bagi pihak mereka kepada universiti berkenaan, kata Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya.

Beliau berkata kira-kira RM18 juta dikutip setakat ini bagi penubuhan universiti tajaan MIC di Kedah, (Institut Asia Bagi Perubatan, Sains dan Teknologi) yang pembinaannya menelan belanja sebanyak RM50 juta.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa BN mungkin memperolehi majoriti yang lebih besar pada pilihan raya umum akan datang, Samy Vellu berkata tanda-tanda ke arah itu sudah jelas.

"Pembangkang tidak boleh bersatu-padu dan bekerjasama seperti parti komponen BN, dan parti-parti pembangkang mempunyai polisi yang tersendiri," katanya.

Beliau berkata sebaliknya parti-parti komponen BN sentiasa boleh bekerjasama dan mempunyai dasar yang dipersetujui.

Sementara itu Ketua Pemuda Umno merangkap Ketua Pemuda Barisan Nasional Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn memberitahu pemberita, Pemuda BN akan mempertimbangkan resolusi-resolusi yang dipersetujui dalam Perhimpunan Pemuda MIC Kebangsaan hari ini.

Beliau yang dijemput berucap pada perhimpunan itu turut menerima sumbangan RM5,000 daripada Pemuda MIC bagi Tabung Kemanusiaan Palestin.

-- BERNAMA

HM AZZ PR